

FOKKER 2T5

TAJUK 1

PENGUKUHAN KEDAULATAN NEGARA

BAB 1 KEDAULATAN NEGARA

1.1 Konsep kedaulatan.

Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Takrif Kedaulatan

- Bahasa Yunani: *Supernuus/superanus* bermaksud agung atau tertinggi. Merujuk negara yang bebas dan merdeka.
- Bahasa Inggeris: *Sovereignty* bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan.
- Bahasa Arab: *Daulah* yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.
- Bahasa Melayu: kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara

Pandangan Tokoh

- Aristotle: Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan. Kerajaan yang terikat oleh undang-undang.
- Ibnu Khaldun: Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara.
- Jean Bodin: Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang.
- Tunku Abdul Rahman: Prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.
- Dr. Mohamed Salleh Abas: Asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur dalam negeri tanpa telunjuk asing.

Jenis Kedaulatan

1. Kedaulatan Tradisional :

- Sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara

2. Kedaulatan Moden :

- Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan

3. Kedaulatan Undang-Undang :

- Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi.

4. Kedaulatan antarabangsa:

- Merujuk pengiktirafan PBB terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain.

1.2 Ciri-ciri negara berdaulat.

1. Mempunyai Pemerintah:

- Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Ketua negara ialah YDPA. Ketua kerajaan ialah Perdana Menteri dibantu Jemaah Menteri

2. Mempunyai Sempadan:

- Berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina. Sempadan Malaysia diakui masyarakat antarabangsa khususnya PBB. Memudahkan urusan pemerintahan negara.

3. Mempunyai Perundangan:

- Menjadi asas peraturan negara. Penting untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat berbandukan Perlembagaan Persekutuan yang digubal oleh Parlimen.

4. Mempunyai Rakyat:

- Rakyat merupakan penduduk sesebuah negara. Terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah. Rakyat Malaysia pelbagai kaum, agama, adat resam disatukan melalui satu bahasa, budaya, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.

1.3 Kepentingan mewujudkan negara berdaulat.

Keberkesanan Pentadbiran:

- Memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.
- Dilaksanakan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan.
- Kerjasama KP dan KN melalui pengagihan kuasa.
- Diperkuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kemakmuran Ekonomi:

- Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum.
- Pembangunan ekonomi meliputi pertanian, perindustrian, perdagangan

Kesejahteraan Sosial:

- Negara dapat melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan.
- Perkara berkaitan bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan untuk memupuk semangat muhibah dan mewujudkan semangat perpaduan.

Kecemerlangan Hubungan Luar Negara:

- Memberi hak menjalin hubungan dengan negara lain melalui pengubalan dasar luar negara.
- Dapat menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara lain.
- Dapat mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan Negara.

1. Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi:

- Pemerintah: Pentadbiran cekap, tiada rasuah, agihan kekayaan, melaksana undang-undang.
- Rakyat: Kesetiaan kepada raja, sokong usaha kerajaan, kerjasama, patuh undang-undang

2. Mengekalkan Perpaduan Kaum

- Pemerintah : Menggubal dasar dan undang-undang, memupuk perpaduan.
- Rakyat : Guna bahasa kebangsaan, amal Rukun Negara, toleransi

3. Memupuk Patriotik:

- Pemerintah : Sambut hari kebangsaan, wajib subjek sejarah, kempen.
- Rakyat : Hormat lambang negara, harga adat resam, jaga imej negara

4. Mengukuhkan Pertahanan Negara:

- Pemerintah : Gubal dasar dan undang-undang, adakan perjanjian pertahanan, modenkan aset ketenteraan dan bersiap siaga.
- Rakyat : Peka isu keselamatan, sanggup korban, menganggotai pasukan keselamatan

BAB 2 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

2.1 Latar belakang sejarah perlembagaan negara.

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.

Asas Pembentukan Perlembagaan

Undang-undang Negeri Melayu

- Raja sebagai pemerintah. Rakyat taat setia.
- Raja tentukan undang-undang sistem pemerintahan
- Undang-undang Kesultanan Melayu Melaka - Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
- Mempengaruhi undang-undang bertulis di negeri Melayu seperti : Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor, Undang-undang 99 Perak.

Undang-undang di negeri Melayu mengalami perubahan seiring perkembangan masyarakat sehingga muncul undang-undang dari Barat pada abad ke-19.

Undang-undang Inggeris

- British memperkenalkan Charter of Justice di NNS.
- Diambil dari undang-undang yang digubal di England.
- Piagam yang sesuai sahaja diguna pakai.
- Di Sarawak: The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949.
- Di Sabah: Sabah Application of Laws Ordinance 1951.
- Kedua-duanya menggunakan The Common Law of England.

2.2 Sejarah pengubalan Perlembagaan Persekutuan.

Sejarah pengubalan bermula pada tahun 1877-hingga tahun 1957.

- 1877 : Mesyuarat Majlis Negeri Perak dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf. Berperanan gubal undang-undang negeri Perak. Diikuti oleh semua Majlis Negeri lain.
- 1946: Negeri Selat (NNS) - Majlis Undangan Negeri. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) - Majlis Persekutuan. Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu - Majlis Negeri
- 1948: Perjanjian Persekutuan 1948 menjadi titik penting pembentukan Persekutuan, terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Kandungan perlembagaan seperti pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan
- 1957: Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) atau Suruhanjaya Reid. Disesuaikan dengan model Westminster dari London. Berkuatkuasa pada 31 Ogos 1957. Asas kepada perlembagaan hari ini.

5 Perkara terma rujukan utama perjanjian Persekutuan 1957

- Kerajaan Persekutuan yang kukuh
- Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
- Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- Parlimen mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara
- Kewarganegaraan yang sama

2.3 Ciri-ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

Ciri Tradisional

- Kesultanan atau Pemerintahan Beraja**
 - Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.
 - Selepas merdeka, pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen.
 - Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara.
 - Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri.
- Agama Islam**
 - Terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing.
 - Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, agama Islam terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.
- Bahasa Melayu**
 - Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka (KMM), bahasa Melayu menjadi lingua franca dan berperanan sebagai bahasa ilmu.
 - Kini, bahasa Melayu Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

- **Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera**
 - Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua peribumi.
 - Selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

Ciri Moden

- **Kerajaan Persekutuan**
 - Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu..
 - Selepas Malaysia, Sabah dan Sarawak diberi beberapa autonomi.
- **Sistem Demokrasi Berparlimen**
 - Diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
 - Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum 1955.
 - Suruhanjaya Pilihan Raya bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya persekutuan dan pilihan raya negeri.
- **Kewarganegaraan**
 - Mula diperkenalkan pada 1948 melalui Perjanjian PTM
 - Sebelum ini, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama.
 - Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja.
 - Penduduk mendapat kerakyatan British sekiranya lahir di Melaka atau Pulau Pinang.
 - Selepas merdeka, taraf kewarganegaraan yang sama.

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada Perlembagaan Malaysia 1963.

Pindaan Perlembagaan 1963

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. 3 perkara utama pindaan ialah:

1. Struktur Mahkamah Atasan

- Perlembagaan PTM 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikan kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan.
- Selepas Malaysia, tiga Mahkamah Atasan iaitu Mahkamah Persekutuan diwujudkan di PTM, Sabah dan Sarawak serta Singapura.
- Mahkamah Persekutuan boleh mendengar persoalan perlembagaan dan pertikaian antara KP dan KN.

2. Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

- Perlembagaan Persekutuan mengekalkan Mahkamah Tinggi Malaya dan diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo untuk menguruskan kehakiman di Sabah dan Sarawak.
- Tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dan berpusat di Kuching, Sarawak. Tahun 1964, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

3. Jawatan Yang di-Pertua Negeri

- Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

Pindaan Perlembagaan 1965

- Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan Singapura di Parlimen pada 7 Ogos 1965.
- Usul diluluskan bagi membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia.
- Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965) seperti imigresen, kewangan, hubungan luar dan pertahanan.

BAB 3 RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

3.1 Latar belakang sistem pemerintahan beraja dan Demokrasi Berparlimen.

Definisi Raja Berperlembagaan:

Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia. YDPA bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri.

Definisi Demokrasi Berparlimen:

Pemerintahan yang dijalankan secara perwakilan. Rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara, manakala raja-raja menjadi lambang taat setia rakyat.

1. Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka

- Raja ialah pemerintah yang berkuasa mutlak dan memiliki kuasa pemerintahan termasuk kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman.
- Pemerintahan berdasarkan undang-undang iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Pemerintahan berkonsepkan Islam. Raja sebagai ketua agama Islam.

2. Pemerintahan Beraja Sebelum Perang Dunia Kedua

- Pemerintahan beraja menyukarkan British melakukan penjajahan di negeri Melayu.
- Raja-raja Melayu memerintah dengan campur tangan British dalam pentadbiran tempatan yang dimeterai melalui perjanjian atau surat perisytiharan daripada raja-raja Melayu.
- Bagi NNMB, British hanya mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar negeri. Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat walaupun dikehendaki menerima nasihat Residen British.
- Bagi NNMTB, kedudukan raja lebih kukuh. Walaupun British menempatkan Penasihat British, namun pentadbiran negeri tetap dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik oleh raja.

3. Pemerintahan Beraja Semasa Pendudukan Jepun

- Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama Islam.
- Memperoleh pendapatan seperti sebelum Perang Dunia Kedua.
- Kedudukan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu.

4. Pemerintahan Beraja Selepas Perang Dunia Kedua

- Apabila Malayan Union diperkenalkan pada tahun 1946, Raja-raja Melayu kehilangan kuasa sebagai pemerintah negeri kerana kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England.
- British memerintah Malayan Union secara langsung melalui Gabenor yang dilantik oleh kerajaan British.

5. Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen Selepas Merdeka

- Pemerintahan beraja diteruskan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara. Kedudukan, kuasa dan tugas YDPA termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi negara. Rakyat diberi hak memilih wakil mereka melalui pilihan raya untuk membentuk kerajaan.

3.2 Sejarah dan kedudukan institusi Majlis Raja-Raja.

1. Majlis Raja-Raja Semasa Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

- Pembentukan Durbar Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)
- Durbar dibentuk pada tahun 1897 dengan penubuhan NNMB.
- Durbar bermaksud perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British.
- Durbar dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Ahlinya terdiri daripada Raja-raja Melayu NNMB, Residen British di NNMB dan Setiausaha NNMB.

- Berperanan sebagai sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

2. Majlis Sultan-Sultan Semasa Malayan Union

- Ditubuhkan di bawah Perlembagaan Malayan Union 1946.
- Dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union. Ahli: Sembilan orang Raja Melayu dan tiga pegawai kanan British.
- Fungsi MSS termasuklah membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu.

3. Majlis Raja-Raja Semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Ditubuhkan pada tahun 1948. MRR dilengkapi kuasa dan sekretariat.
- Diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu. Dipengerusikan dalam kalangan sembilan Raja Melayu.
- Persidangan Majlis Raja-Raja disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk memeterai keputusan persidangan.
- Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggabalan undang-undang dan dasar Kerajaan Persekutuan.

4. Majlis Raja-Raja Selepas Merdeka

- Peranan Majlis Raja-Raja dikekalkan, namun keanggotaannya mengalami perubahan.
- Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang turut menjadi ahli.
- Selepas pembentukan Malaysia 1963, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah turut menjadi ahli.
- Yang di-Pertua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas melibatkan institusi beraja seperti pemilihan YDPA dan Timbalan YDPA

5. Kedudukan Majlis Raja-Raja Dalam Perlembagaan Persekutuan

- Memilih YDPA dan Timbalan YDPA
- Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan MRR.
- Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu seperti Ketua Audit Negara, Ketua Hakim Negara, hakim Mahkamah Atasan, Pengerusi dan ahli Suruhanjaya Pilihan Raya.
- Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.
- Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
- Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.
- Memperkenankan pindaan perlembagaan.

3.3 Kedudukan serta kuasa YDPA dan Raja

Raja Berperlembagaan: YDPA sebagai pemerintah tertinggi negara dengan tugasnya tertakluk kepada perlembagaan. Institusi Beraja bermaksud institusi yang terdiri daripada Majlis Raja-Raja, institusi beraja negeri dan YDPA (persekutuan)

1. Institusi Yang di-Pertuan Agong

- Jawatan YDPA diwujudkan selepas merdeka.
- YDPA dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan negeri.
- Pemilihan YDPA dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja.
- Diwujudkan jawatan Timbalan YDPA

2. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong

- Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan – YDPA sebagai Ketua Utama Negara.
- Menjadi punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.

3. Keutamaan kedudukan dalam Persekutuan.

1. Yang di-Pertuan Agong
2. Raja Permaisuri Agong

3. Raja-raja dan Pemangku Raja
4. Yang di-Pertua bagi Negeri-negeri
5. Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan
6. Perdana Menteri
7. Timbalan Perdana Menteri

4. Kuasa Yang Di-Pertuan Agong

i. Kuasa Eksekutif

- YDPA bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri
- Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri
 - Pelantikan jawatan penting
 - Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
 - Melantik diplomat dan menerima menghadap diplomat asing.

ii. Kuasa Perundangan

- YDPA memperkenankan rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- Berkuasa memanggil Parlimen bersidang, memberhentikan dan membubarkan Parlimen.
- Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.
- Bertanggungjawab menjaga dan melindungi hak istimewa orang Melayu, bumiputera Sarawak Sabah serta kepentingan sah kaum lain.
- Boleh membuat perisytiharan darurat.

iii. Kuasa Kehakiman

- Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.
- Berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman atas nasihat Lembaga Pengampunan.

3.4 Ciri dan amalan demokrasi serta pengasingan kuasa di peringkat persekutuan dan negeri.

1. Amalan Pilihan Raya

- ✓ Pilihan raya umum diadakan dalam tempoh 5 tahun.

2. Kebebasan asasi Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan

- **Kebebasan Diri**
Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.
- **Kebebasan Beragama**
Islam ialah agama Persekutuan. Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing.
- **Hak Berkenaan Dengan Pendidikan**
Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.
- **Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Bersatu**
Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan. Kebebasan asasi tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen.

3. Pengasingan Kuasa Dalam Pemerintahan

Kuasa pemerintahan negara terbahagi kepada 3 badan:

i. Badan Perundangan

- Berfungsi menggubal undang-undang
- Parlimen ialah badan perundangan tertinggi di Malaysia. Terdiri daripada tiga komponen iaitu YDPA, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- Dewan Undangan Negeri terdapat di setiap negeri kecuali WP, Labuan dan Putrajaya. DUN terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan ADUN. Berfungsi menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

ii. Badan Eksekutif

- Badan Eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri. Peringkat Kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Negeri. (EXCO)

iii. Badan Kehakiman

- Bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.
- Diketuai oleh Ketua Hakim Negara.
- Berperanan untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat serta menyelesaikan konflik KN dan KP.

3.5 Keunikan amalan Demokrasi Berparlimen

1. Gabungan Unsur tradisional dan Moden dalam Pentadbiran

- Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.
- Unsur moden pula ialah Demokrasi Berparlimen berasarkan model Westminster England.

2. Mekanisme Semak dan Imbang dalam Pentadbiran

- Pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokratik kerana raja berkecuali.
- Dengan adanya kuasa pengimbang, raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi
- Mekanisme semak dan imbang juga berlaku melalui pengasingan kuasa, iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman. Badan perundangan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif. Sekiranya timbul konflik, penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman.

3. Kuasa budi bicara Raja

- Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.
- Contohnya, pelantikan Perdana Menteri oleh YDPA, pelantikan Menteri Besar oleh Raja, atau pelantikan Ketua Menteri oleh YDP Negeri.
- YDPA berkuasa untuk tidak perkenankan pembubaran Parlimen. Raja dan YDP Negeri berkuasa tidak memperkenankan pembubaran DUN.

4. Kerjasama Politik

- Menekankan perkongsian kuasa bagi suara setiap kaum diwakili.
- Permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan untuk membentuk kerajaan. Contohnya, Barisan Nasional.

BAB 4 SISTEM PERSEKUTUAN

4.1 Latar belakang Sistem Persekutuan di negara kita.

Definisi Persekutuan:

Penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk negara bersekutu. Wujudnya Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan pembahagian kuasa pentadbiran.

Pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia

1. Persekutuan 1896 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

- Ditubuhkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895 Sultan yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1895 ialah:
 1. Pahang – Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah
 2. Perak – Sultan Idris Murshidul Adzam Shah
 3. Selangor – Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah
 4. NS – Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah
- Tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara KP dan KN kerana keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran NNMB.

2. Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927

- Distruktur semula pada tahun 1927 untuk memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu.

3. Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)

- Tahun 1946, British berusaha menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka dalam bentuk Malayan Union. Kerajaan pusat ini di bawah kuasa Gabenor British.

4. Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-Negeri Selat sebagai PTM melalui Perjanjian PTM 1948.
- Menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan.
- Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.

5. Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Jawatan YDPA diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan. Konsep Persekutuan diperkukuh dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

6. Persekutuan Malaysia 1963

- Persekutuan yang terdiri daripada 11 buah negeri Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah yang dinamakan Malaysia.

4.2 Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

1. Pembahagian Kuasa

- Perlembagaan memperuntukan kuasa yang khusus antara KP dan KN meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan
- Bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan.
- Peruntukan kuasa lebih besar pada peringkat Persekutuan.
- Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan yang diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.
- Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan

2. Kuasa Kerajaan Persekutuan

- **Senarai Persekutuan:**
 1. Hal ehwal luar negeri
 2. Pertahanan
 3. Keselamatan dalam negeri
 4. Pentadbiran keadilan
 5. Kewarganegaraan
 6. Kewangan
 7. Perhubungan dan pengangkutan
 8. Pelajaran
 9. Perubatan dan kesihatan

3. Kuasa Kerajaan Negeri

- **Senarai Negeri:**
 1. Undang-undang Islam
 2. Tanah
 3. Pertanian dan perhutanan
 4. Kerajaan tempatan
 5. Hari kelepasan negeri
- Peruntukan Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah termasuklah:
 1. Undang-undang dan adat anak negeri
 2. Mahkamah Anak Negeri
 3. Kereta api Sabah
- Di bawah Akta Imigresen 1963, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.

4. Senarai Bersama

- Perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Sekiranya ada

percanggahan, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.

1. Kebajikan awam
 2. Biasiswa
 3. Perlindungan haiwan liar dan taman negara
 4. Perancangan bandar dan luar bandar
 5. Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit.
 6. Kebudayaan dan sukan
 7. Perumahan
- Peruntukan Tambahan kepada Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah termasuklah:
 1. Undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, penceraihan, penjagaan anak, nafkah dan sebagainya berkaitan dengan undang-undang keluarga.
 2. Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak dan pencegahan penyakit tumbuhan.
 3. Pilihan raya bagi Dewan Negeri.

5. Peranan Kerajaan Tempatan

- Diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan.
- Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri.
- Menjadi perantara Kerajaan Negeri dan rakyat. Memberi perkhidmatan seperti menyediakan kemudahan awam, menyelenggara jalan, khidmat pembersihan dan lain-lain.

4.3 Bentuk kerjasama antara KP dan KN

Kerjasama Pembangunan Ekonomi

Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi untuk memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan.

1. Pembangunan tanah

- Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi tertumpu pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan In-Situ (Maksud: *Menekankan pembangunan fizikal desa seperti penyediaan kemudahan asas, rumah rakyat dan pusat pertumbuhan ekonomi desa*)
- FELDA ditubuhkan pada 1956 untuk mengurus dan menyalurkan bantuan bagi melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu.
- FELCRA ditubuhkan pada 1966 untuk menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.

2. Pembangunan Wilayah

- Selepas tahun 1970, kerjasama sosioekonomi diperluas kepada pembangunan wilayah baharu berdasarkan pembangunan kawasan iaitu:
 1. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
 2. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
 3. Lembaga Kemajuan Wilayah P Pinang (PERDA)
 4. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 5. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 6. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
 7. Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS)
 8. Lembaga Penyatuan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA)
 9. Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB)

3. Pembangunan Koridor Wilayah

- Selepas tahun 2005, tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.
 1. 2006 Rancangan Pembangunan Iskandar (SIER) Selatan Johor.

2. 2007 Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Pahang, Terengganu, Kelantan dan Daerah Mersing, Johor.
3. 2008 Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE) di Wilayah Tengah Sarawak.
4. 2008 Koridor Pembangunan Sabah (SDC) di seluruh Sabah.

Kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara

Tujuan: Mengekalkan warisan biodiversiti.

1. Pengurusan Taman Negara

- Pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Akta Perlindungan Hidupn Liar diwujudkan pada tahun 1972.
- Tahun 2010, akta ini digantikan dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 atau Akta 716.
- Antara 1972 hingga 1978, Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Mergastua dinamakan sebagai PERHILITAN.
- Pengurusan taman negara Sarawak di bawah Perbadanan Perhutanan Sarawak.
- Taman negara di Sabah di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah.

2. Pengurusan Taman Laut

- 42 buah pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan diwartakan sebagai taman laut sejak tahun 1994.
- Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan pada 2007 sebagai agensi kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam dasar pengurusan taman laut di Malaysia.
- Tahun 2007, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia.
- Pelindungan marin di Sabah di bawah Taman-Taman Sabah.

Kerjasama Penyediaan Perumahan Rakyat

Tujuan: Memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

1. Perumahan Awal Kemerdekaan

- KP dan KN bekerjasama menyediakan perumahan kos rendah terutamanya di kawasan bandar.
- KP menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964 untuk menyediakan perumahan kos rendah.
- KN menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada KP untuk membina rumah.

2. Perumahan Untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan

- Selepas tahun 1970, KP bekerjasama dengan KN membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah sebagai langkah menghapuskan kemiskinan.
- KP melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada tahun 1997 untuk membina perumahan awam di seluruh negara.
- KN memperkenalkan Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) melalui peruntukan kewangan daripada KP.

3. Perumahan Mampu Milik

- Tahun 2014, Majlis Perumahan Negara ditubuhkan untuk merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik bagi golongan pertengahan.
- Antara program peringkat Persekutuan termasuklah Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PRIMA) dan Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Antara program peringkat negeri termasuklah Rumah Selangorku (Selangor) dan Rumah Mampu Milik Johor (Johor).

Kerjasama Menjamin Keselamatan dan Kedaulatan Negara

1. Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)

- Diisytiharkan pada 26 Mac 1972.
- Bertujuan untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

- RASCOM berjaya memulihkan serta mengekalkan keselamatan dan keamanan di bahagian tengah Sarawak.
- Tahun 1995, RASCOM dibubarkan dan semua operasi keselamatan di Sarawak diselaraskan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2. Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)

- Ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Februari 2013.
- Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.
- ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Zon Keselamatan Timur Sabah (ESSZONE).

4.4 Faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan.

1. Keluhuran perlembagaan mengukuhkan Persekutuan

- Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi
- Undang-undang digubal di Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan tidak bercanggah antara satu sama lain.
- Jika berlaku ketidakselarasan undang-undang Persekutuan dan undang-undang Negeri, Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama
- Undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri (Perkara 75)

2. Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

- Penyelarasan pentadbiran dibuat antara KP dengan KN melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta majlis khas.
- Mesyuarat membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan.

3. Majlis yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

- Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran KP dengan KN, iaitu:
 1. Majlis Kewangan Negara
 2. Majlis Tanah Negara
 3. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

4. Majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan

- Perhubungan antara KP dengan KN juga dibuat melalui majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu;
 1. Majlis Keselamatan Negara
 2. Majlis Air Negara
 3. Majlis Perumahan Negara

FOKKER 2T5

TAJUK 2

PEMBENTUKAN MALAYSIA

BAB 5 PEMBENTUKAN MALAYSIA

5.1 Konsep Gagasan Malaysia.

- Konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.
- British mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara dalam satu pentadbiran dan ekonomi bertujuan memudahkan pentadbiran pihak British.
- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencadangkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

5.2 Perkembangan idea dan usaha yang membawa kepada Pembentukan Malaysia.

➢ Idea Pegawai British

- Lord Brassey (1887) mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar kerana potensi ekonomi.
- Sir Malcolm MacDonald (1951) mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi. Bertujuan menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi iaitu proses ke arah berkerajaan sendiri.
- Sir Gerald Templer (1952) meminta penggabungan wilayah ini bagi tujuan keselamatan.
- Sir Geoffrey Tory (1960) mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.

➢ Idea Penduduk Tempatan

- Majalah Al-Imam (1960) menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.
- Nasionalis Tanah Melayu (1938) memperjuangkan Konsep Melayu Raya untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.
- Tunku Abdul Rahman (1955) mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai PTM.
- Datu Mustapha Datu Harun (1958) menyatakan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan PTM.

Rasional Idea Pembentukan Malaysia

1. Keselamatan

- Ancaman komunis di Singapura.
- Ancaman komunis di Sarawak melalui Gerakan Clandestine Communist Organization (CCO)

2. Keseimbangan komposisi penduduk

- Kemasukan Singapura dalam Persekutuan akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk orang Melayu dan orang Cina.
- Penggabungan Sarawak, Sabah, dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum.

1)

3. Mempercepat kemerdekaan

- Bagi pihak British, pembentukan Malaysia dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi serta mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, terutamanya Sarawak dan Sabah.

4. Pembangunan wilayah

- Pembentukan Malaysia mempercepat usaha pembangunan yang boleh meningkatkan taraf hidup peribumi seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang.

5.3 Reaksi penduduk tempatan dan negara jiran terhadap Pembentukan Malaysia.

1. Reaksi Tempatan

- **Persekutuan Tanah Melayu**
Mendapat sambutan baik daripada penduduk dan parti politik.
- **Sarawak**
 - Parti BARJASA, PANAS, PESAKA dan SCA menyokong.
 - Parti SUPP menentang.
 - SNAP yang mulanya menentang kemudian menyokong.
 - Pada Oktober 1962, PANAS, SNAP, BARJASA, SCA dan PESAKA bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak untuk menyokong Malaysia.
 - Pada Januari 1963, parti politik Sarawak menubuhkan gabungan menyokong Malaysia yang dinamakan Sarawak Alliance.
- **Sabah**
 - Parti politik di Sabah menubuhkan Sabah Alliance pada Oktober 1962 untuk menyokong Malaysia iaitu UNKO, USNO, UPKO, Democratic Party dan Sabah Indian Congress
 - Parti SUPP, Parti Rakyat Brunei dan UNKO membentuk Barisan Bersatu pada 9 Ogos 1961 untuk menentang pembentukan Malaysia.
 - UNKO kemudiannya menyokong.
- **Singapura**
 - People's Action Party (PAP) dan Parti Buruh Singapura menyokong.
 - Parti Rakyat Singapura dan Barisan Sosialis menentang kerana menganggap sebagai penjajahan baharu.
- **Brunei**
 - Sultan Brunei menyokong.
 - Rakyat Brunei menyokong namun ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu.
 - Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M Azahari menentang kerana berminat untuk menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara dalam satu kesatuan. Menganggap pembentukan Malaysia satu cara British mengekalkan pengaruh agar dapat menguasai ekonomi dan menjamin keselamatan. Khawatir Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan.

2. Reaksi Negara Jiran

- **Indonesia**
 - Pada peringkat awal mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia.
- **Filipina**
 - Menentang kerana menuntut wilayah Sabah.
- **Thailand**
 - Memberikan reaksi positif kerana dianggap memperkuat usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara.

5.4 Langkah-langkah Pembentukan Malaysia.

1. Siri Lawatan

- Julai 1961 Tunku Abdul Rahman melawat Sarawak dan Brunei menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.
- Ogos 1962, lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM untuk meninjau kemajuan di PTM.
- November 1962 Tunku Abdul Rahman melawat Sarawak dan Sabah.

- Lawatan rombongan Dr Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba ke Sarawak dan Sabah untuk menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia.

2. Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

- Ditubuhkan pada 23 Julai 1961. Bertujuan meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah dengan mengumpulkan pandangan, menyebarkan maklumat, menyediakan ruang perbincangan dan memupuk aktiviti penghebahan untuk mempercepat pembentukan Malaysia.
- Mesyuarat JSKM diadakan sebanyak empat kali iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura.
- JSKM terdiri daripada wakil pemimpin PTM, Singapura, Sarawak dan Sabah. Pengerusi JSKM ialah Donald Stephen. JSKM membuat keputusan menyokong rancangan Malaysia.

3. Referendum (Pungutan suara rakyat) Singapura

- Rundingan antara PTM dengan Singapura diadakan pada Ogos hingga September 1962.
- Keputusan: Rakyat Singapura bersetuju menyertai Malaysia.

4. Rundingan London

- Pada November 1961, rundingan berhubung pembentukan Malaysia diadakan di London antara PTM dengan kerajaan British.
- Kedua-dua kerajaan bersetuju ditubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah.

5. Suruhanjaya Cobbold

- Dibentuk pada Januari 1962. Mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British dan PTM. Pengerusi ialah Lord Cobbold.
- Suruhanjaya ini telah melawat 35 pusat lawatan iaitu 20 di Sarawak dan 15 di Sabah.
- Laporan Suruhanjaya Cobbold termasuklah:
 1. Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
 2. Mengesyorkan agar Perlembagaan PTM 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
 3. Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan.

6. Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

- Kerajaan British dan PTM menubuhkan JAK pada Ogos 1962. Diwakili oleh Kerajaan British, PTM, Sarawak dan Sabah. Bertujuan untuk merangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.
- JAK dipengerusikan oleh Lord Lansdowne. Timbalannya Tun Abdul Razak Hussein. Terdapat wakil Sarawak dan Sabah.
- JAK mempunyai lima jawatankuasa kecil iaitu:
 1. Perlembagaan
 2. Kewangan
 3. Perkhidmatan awam
 4. Perundangan dan kehakiman
 5. Organisasi Jabatan
- Mesyuarat pertama di Jesselton, Sabah pada 30 Ogos 1962 dan terakhir di Kuala Lumpur pada 18 – 20 September 1962.
- JAK mengusulkan 18 perkara untuk Sarawak dan 20 perkara untuk Sabah bagi masukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Antaranya:
 1. Islam agama Persekutuan tetapi dikecualikan kepada Sarawak dan Sabah.
 2. Bahasa Melayu ialah Bahasa rasmi Persekutuan tetapi Bahasa Inggeris juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah.
 3. Sistem Pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan kecuali di Sarawak dan Sabah yang kekal di bawah Kerajaan Negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan.

4. Dalam Parlimen, 24 kerusi kepada Sarawak, 16 kepada Sabah dan 15 kepada Singapura.
5. Kuasa imigresen di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresen.

5.5 Kandungan Perjanjian Julai 1963 dan peristiwa Pengisytiharan Malaysia.

- Perjanjian Julai 1963 turut dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63)
- Ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London kerajaan British, PTM, Sarawak, Sabah dan Singapura.
- Cadangan perjanjian ini seperti yang dikemukakan oleh JAK. Prinsip utama perjanjian ini mengiktiraf hak yang sama kepada semua negeri dalam Malaysia.

1. Inti pati Perjanjian Malaysia:

- Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963.
- Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia Bersama-sama PTM.
- Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.
- Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.
- Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta Pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.
- Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi.
- Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di PBB.
- U Thant, Setiausaha Agung PBB menubuhkan United Nations Malaysia Mission (UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan.
- Laurence Michelmore, Duta Amerika Syarikat di PBB mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah.
- Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah menerima pembentukan Malaysia.

3. Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963 secara serentak di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.

- **Kuala Lumpur**
 - YDPA membacakan Pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman.
- **Sarawak**
 - Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee mengangkat sumpah Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Pengisytiharan Malaysia dibaca oleh Khir Johari wakil Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak.
 - Stephen Kalong Ningkan dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak pada 22 Julai 1963. Tarikh tersebut diisytiharkan sebagai Hari Sarawak dan cuti umum negeri ini.
- **Sabah**
 - Datu Mustapha Datu Harun mengumumkan Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabali, Sabah serta menandatangani surat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah.
 - Tun Abdul Razak Hussein mewakili Kerajaan Persekutuan.

5.6 Usaha-usaha menangani konfrontasi

Kerajaan Indonesia menentang selepas Pemberontakan Brunei 7 Disember 1972 apabila Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan bahawa Indonesia terlibat

membantu pemberontakan. Partai Komunis Indonesia menggunakan kesempatan ini menyelar rancangan Malaysia sebagai penerusan dasar neokolonialisme (*peluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar terhadap negara lain*) yang dirancang oleh British.

1. Konfrontasi

- Pada 20 Januari 1963, Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia. "Ganyang Malaysia"
- Peristiwa penentangan
 - 12 April 1963 pendaratan tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak.
 - 29 Disember 1963 serangan di Kalabakan, Sabah.
 - 2 September 1964 pendaratan gerila Indonesia di Labis, Johor. Ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.
 - Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu ke Majlis Keselamatan PBB. Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara diplomatik.

2. Langkah Menamatkan Konfrontasi

Malaysia menggunakan pendekatan diplomatik dalam usaha menangani konfrontasi. Tanggungjawab diserahkan kepada Kementerian Luar Negeri yang diketuai oleh Muhammad Ghazali Shafie untuk mematahkan kempen propaganda dan mendapatkan sokongan negara luar.

- Pada bulan Februari 1963, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengutus wakilnya C.V Narasimhan untuk berunding dengan kerajaan Indonesia dan PTM.
- Pada 9 April 1963, Presiden Macapagal, Filipina mengadakan rundingan di Manila. PTM diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie
- Pada 1963, Tunku Abdul Rahman bertemu Presiden Soekarno di Tokyo menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.
- Pada 7 – 11 Jun 1963 Tun Abdul Razak menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila. Dr. Subandrio mewakili Indonesia.
- Pada 31 Julai – 5 Ogos 1963, Tunku Abdul Rahman menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila. Kerajaan Indonesia dan Filipina menerima pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.
- Pada tahun 1964, rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina berlangsung di Bangkok dan Tokyo.
- Pada 30 September 1965, perubahan kepimpinan di Indonesia menamatkan konfrontasi. Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Jeneral Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi.
- Pada 4 Ogos 1966 Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi.
- Pada 11 Ogos 1966 Tun Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Persefahaman dan Normalisasi Hubungan Indonesia – Malaysia di Jakarta.

BAB 6 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

6.1 Cabaran selepas Pembentukan Malaysia.

1. Cabaran Menyeimbangkan Pembangunan dan Sosioekonomi di Sarawak dan Sabah.

- **Mempelbagai Kegiatan Ekonomi**
 - Melibatkan rakyat dengan aktiviti ekonomi komersial kerana rakyat masih mengamalkan pertanian sara diri.
 - Kerajaan mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit dan getah. Membuka peluang penduduk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan petroleum.
- **Memajukan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan**
 - ✓ Membina sistem perhubungan dan pengangkutan di kawasan pedalaman.

- ✓ Dilaksanakan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia, Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1966.

- **Memajukan Sistem Pendidikan**

- ✓ Usaha ditumpukan untuk membina sekolah dan melatih tenaga guru

2. Cabaran Politik di Sarawak

- Krisis perlembagaan berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966 apabila 21 orang ahli Council Negeri menolak kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Beliau dipecat oleh Gabenor pada bulan Jun 1966.
- Beliau mencabar kes di Mahkamah Tinggi Sarawak dan memenangi kes pada September 1966. Beliau kembali menjadi Ketua Menteri namun mendapat undi tidak percaya daripada Council Negeri.
- Krisis ini mengancam keselamatan dan keamanan Sarawak.
- Pada September 1966, darurat diisytiharkan di Sarawak. Stephen Kalong Ningkan digantikan dengan Tawi Sli

3. Cabaran Perpaduan Kaum

- Usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional kerana penduduk negara ini pelbagai kaum.
- Jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh menjadi cabaran kepada integrasi nasional serta sukar memupuk semangat satu negara.

6.2 Pemisahan Singapura daripada Malaysia.

1. Faktor Pemisahan

- **Politik**
 - Lee Kurang Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad.
 - Konflik antara pemimpin parti PAP dengan Perikatan.
 - Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kurang Yew menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan penduduk.
- **Ekonomi**
 - Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (common market) disegerakan.
 - Singapura tidak berpuas hati cadangan tambahan cukai kepada Kerajaan Persekutuan.
 - Singapura mahu mengenakan kadar faedah terhadap pinjaman RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah.
- **Masalah Perkauman**
 - Rusuhan kaum berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964 yang menimbulkan ketegangan antara kaum.
 - Berlaku ekoran usaha menuntut persamaan hak yang sama rata semua kaum.

2. Pemisahan Singapura daripada Malaysia

- **Kronologi pemisahan:**
 1. 29 Jun 1965 Kegagalan rundingan Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew.
 2. 1 Julai 1965: Tunku Abdul Rahman bermesyuarat dengan beberapa menteri untuk berbincang tentang pemisahan.
 3. Ogos 1965: Mesyuarat Khas Kabinet bersetuju dengan rancangan pemisahan.
 4. 7 Ogos 1965: Tunku Abdul Rahman dan Lee Kurang Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia.
 5. 9 Ogos 1965: Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke Parlimen dan diluluskan.

6.3 Usaha-usaha menangani ancaman komunis.

1. Ancaman Keselamatan di Sarawak

Gerakan komunis di Sarawak bermula sejak pendudukan Jepun oleh CCO. Bahagian Pertama dan Ketiga di Sarawak menjadi sasaran utama dengan melakukan kegiatan serangan dan subversif terhadap orang awam. Bentuk ancaman:

- **Gerakan Politik**
 - Komunis terlibat dalam politik dan menentang gagasan Malaysia. Kerajaan Sarawak menangkap ahli yang terlibat.
 - Melarikan diri ke Kalimantan dan membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).
 - PKKU meneruskan penentangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utama (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) untuk membentuk republik komunis di Sarawak.
- **Serangan Bersenjata**
 - Pada 5 Ogos 1952, komunis menyerang kawasan Batu Kintang, Kuching, Sarawak yang menandakan permulaan serangan komunis terhadap orang awam.

Kerajaan melaksanakan kaedah gerakan perang saraf dan operasi ketenteraan dalam usaha mengatasi ancaman.

- **Perang saraf tentang bahaya ancaman komunis**
 1. Mengadakan perhimpunan awam
 2. Menyebarkan risalah
 3. Mengisytiharkan kawasan putih
 4. Tawaran program pengampunan
 5. Pembangunan infrastruktur dengan menyediakan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk.
- **Operasi Ketenteraan**
 1. Operasi Hammer 1965 di Bahagian Pertama
 2. Operasi Jalan Raja 1970 di Asajaya Bahagian Pertama
 3. Operasi Ngayau 1971 di Bahagian Ketiga
 4. Operasi oleh RASCOM 1972 di Bahagian Ketiga
 5. Operasi Sri Aman 1973 di Bahagian Kedua

Pada 21 Oktober 1973, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub menandatangani memorandum persefahaman di Rumah Sri Aman. Anggota komunis CCO menyerah diri dan berakhirnya ancaman komunis di Sarawak.

2. Ancaman Keselamatan di Semenanjung Malaysia

- Pembunuhan Anggota Keselamatan dan Orang Awam
 - Pada 17 Jun 1969, komunis menyerang pasukan keselamatan di Kroh, Perak mengorbankan 16 orang.
 - Pada 7 Jun 1974 komunis menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim di Kuala Lumpur.
 - Pada 13 November 1975, komunis menembak mati Ketua Polis Negeri Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong dan pemandunya di Ipoh.
 - Pada Julai 1969, seorang wanita diseksa sehingga mati di Sintok, Kedah.
 - Perliuk api dipasang di sepanjang Jalan Changlun, Kedah. Jalan raya dan jambatan kereta api diletupkan.
- **Pengeboman Tugu Negara**
 - Pada 26 Ogos 1975, PKM meletupkan Tugu Negara di Kuala Lumpur.

Beberapa langkah diambil untuk melindungi rakyat dan orang awam termasuklah:

- **Strategi Counterinsurgency (COIN)**
 - Kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan untuk memerangi komunis.
- **Perjanjian Kerjasama Sempadan**
 - Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 di Thailand antara Kerajaan Malaysia dan Thailand.
 - Perjanjian Hat Yai pada 2 Disember 1989 di Hat Yai, Thailand antara PKM, Malaysia dan Thailand. PKM bersetuju

membubarkan unit bersenjata serta memusnahkan segala senjata api dan jerangkap samar.

6.4 Langkah-langkah mengatasi isu pembangunan dan ekonomi.

1. Rancangan Malaysia Pertama

- **Mengatasi Isu Pembangunan Ekonomi**
 - Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri perusahaan kerana terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah
 - Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah kerana kejatuhan harga bahan mentah
 - Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara kerana pertanian komersial kurang diusahakan. Petani merupakan golongan berpendapatan rendah dan ketinggalan dalam penggunaan teknologi dan peralatan.
- **Mengatasi Isu Taraf Hidup yang Berbeza**
 - Melancarkan program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu.
 - Membuka kawasan baharu untuk menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara.
 - Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia.
 - Mendapatkan bantuan Bank Dunia
- **Mengatasi Isu Peluang Pekerjaan Terhad dan Pengangguran**
 - Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal.
 - Meluaskan peluang pekerjaan
- **Mengatasi Isu Kesihatan**
 - Menambah baik perkhidmatan kesihatan di luar bandar kerana keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan yang terhad untuk memperoleh kesihatan yang baik.
 - Meningkatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional kepada ibu-ibu yang mengandung.
 - Memperkenalkan program Perancang Keluarga bagi mengurangkan kadar kehamilan kerana kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi.

6.5 Tragedi hubungan antara kaum.

- **Pengisytiharan Darurat**
 - Dibuat oleh YDPA pada 16 Mei 1969 di seluruh negara. Perkara yang diputuskan termasuklah:
 1. Perlembagaan digantung manakala Parlimen ditangguh.
 2. Mewujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat semasa darurat
 3. Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung.
 4. Semua berita daripada pihak media ditapis.
 5. Pihak berkuasa memagar kawasan Kampung Baru
 6. Tentera memberi perlindungan kepada penduduk yang berlindung di kem tentera.
 7. Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement.
- **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)**
 - Penubuhan MAGERAN oleh YDPA dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein.
 - Ahlinya terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam, pegawai tinggi polis dan tentera.
 - MAGERAN diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971.
 - Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara.

- Dua fokus utama ialah masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.
- Tanggungjawab MAGERAN termasuklah:
 1. Mengembalikan keamanan dan undang-undang.
 2. Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara.
 3. Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara.
 4. Menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang.
 5. Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948
 6. Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan.
- **Peranan Raja**
 - ✓ Semasa rusuhan kaum, Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II menasihati rakyat agar menjaga keamanan. Begitu juga Sultan di negeri lain.

FOKKER 2T5

TAJUK 3

KEMAKMURAN NEGARA

BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

7.1 Usaha-usaha perpaduan dan integrasi nasional.

1. Konsep Perpaduan dan Integrasi Nasional

- Maksud **perpaduan** ialah keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu. Mereka memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- Maksud **Integrasi Nasional** ialah merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa. Mereka ini mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

2. Latar Belakang Hubungan Kaum

Pentadbiran British menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan sehingga menyukarkan setiap kaum untuk memahami adat resan dan budaya kaum lain. Beberapa faktor sejarah dikenal pasti menjadi punca kepada masalah perpaduan.

• Pentadbiran

- Pentadbiran British menerusi Sistem Residen bermula 1874 mengutamakan sektor ekonomi. Pekerja dibawa masuk dari luar negara untuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan.
- Kaum bumiputera tertumpu di kawasan luar bandar dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional.
- Keadaan ini menyebabkan mereka terpisah dan berlaku kerenggangan hubungan

• Kegiatan Ekonomi dan Petempatan

- British menumpukan kepada ekonomi berasaskan perlombongan bijih timah dan perladangan getah menyebabkan pemisahan dari segi petempatan.
- Rakyat terpisah dengan kewujudan petempatan di kawasan perlombongan, bandar, estet dan perkampungan.
- Setiap kaum kurang berinteraksi dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang.

• Sistem Pendidikan

- Dasar pentadbiran British menyebabkan munculnya sistem Pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris yang berkembang mengikut kaum masing-masing.
- Pendidikan vernakular mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

• Fahaman Politik Berasaskan Kaum

- Polarisasi kaum disebabkan perbezaan kegiatan ekonomi dan petempatan menyebabkan parti politik memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing.

3. Memperkasakan Perpaduan dan Integrasi Nasional

• Politik

- Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara di bawah MAGERAN yang mendraf Rukun Negara.
- Pembentukan Majlis Muhibah Negara pada 18 Julai 1969 untuk menggalakkan perasaan muhibah antara rakyat berbilang kaum.
- Menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada 29 Januari 1970 bertujuan mengadakan garis panduan Kerjasama antara kaum dan integrasi nasional serta memupuk identiti kebangsaan.
- Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum.
- Menyelaraskan perkhidmatan awam semua negeri bagi mewujudkan integrasi antara negeri.

• Ekonomi

- Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia untuk pertumbuhan ekonomi semua kaum.
- Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
- Menumpukan pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah.
- Memajukan bidang perindustrian dan perdagangan dengan memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas seperti di Bayan Lepas.
- Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar kerana peluang pekerjaan untuk semua kaum.
- Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah membuka peluang semua kaum bersaing dalam ekonomi secara adil.

• Sosial

- Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996.
- Mengukuhkan sistem pendidikan melalui pelaksanaan dasar seperti Laporan Rahman Talib dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui Akta Bahasa Kebangsaan, penubuhan UKM dan DBP.
- Menggalakkan amalan kebudayaan kebangsaan.
- Sukan sebagai wahana perpaduan.
- Memperkenalkan Rukun Negara sebagai tunjang kesetiaan rakyat berbilang kaum.

7.2 Pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

1. Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.

2. Latar Belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Dasar ini dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957.
- Disemak semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

3. Laporan Rahman Talib

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib pada tahun 1960 untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan seterusnya. Laporan Rahman Talib masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.

1. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan.
2. Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah.

Laporan Rahman Talib mencadangkan beberapa cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

1. Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara.
2. Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.

3. Kajian Aminuddin Baki

Laporan Rahman Talib kemudian dibuat penambahbaikan dan dilaksanakan sepenuhnya melalui Kajian Aminuddin Baki, iaitu:

1. Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan untuk menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik.
2. Memperkenalkan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum serta persediaan memenuhi permintaan pasaran kerja.
3. Mewujudkan sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum untuk memupuk perpaduan.

4. Laporan Jawatankuasa Kabinet

Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada bulan September 1974. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet:

1. Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam.
2. Penegasan kepada pendidikan kerohanian melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.
3. Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum seperti unit beruniform, sukan dan permainan serta persatuan.

Hasil daripada laporan jawatankuasa ini menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) tahun 1982. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Falsafah Pendidikan Negara pula digubal pada tahun 1988.

5. Falsafah Pendidikan Kebangsaan

- Falsafah Pendidikan Negara (FPN) digubal pada tahun 1988.
- FPN ditukar kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada 1996.
- FPK menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek

6. Akta Pendidikan 1996

- Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuh dengan memperuntukkannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996.
- Bahasa Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran yang wajib diajarkan di semua sekolah dan institusi pendidikan.
- Institusi pendidikan swasta pula dikehendaki mengadakan pengajaran bahasa kebangsaan.

7.3 Peranan Bahasa Melayu

1. Akta Bahasa Kebangsaan

- Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967 yang dikenali juga sebagai Akta 32. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Peraka 152 Perlembagaan Persekutuan.
- Akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.

2. Bahasa Rasmi Pentadbiran

- Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menjadi antara unsur penggerak jentera pentadbiran negara.
- Bahasa Melayu juga merupakan alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan di Kementerian dan Jabatan kerajaan.
- Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.

3. Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan

- Pembukaan sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- Bilangan guru terlatih bahasa Melayu ditambah di SMK dan guru khas untuk SMJK

4. Peranan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

- Penubuhan UKM pada 18 Mei 1970 sebagai pusat pengajian tinggi awam pertama yang berjaya memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu.

5. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- Penubuhan DBP pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru, Johor, hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.
- Nama asal DBP ialah Balai Pustaka. Pengarah pertama DBP ialah Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid (jawatan ini kini dikenali sebagai Ketua Pengarah).
- Peranan DBP ini adalah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" yang bersatu padu melalui bahasa.

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan.

1. Sejarah Pembentukan

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan tiga prinsip utama:

1. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
 2. Unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima sebagai elemen penting
 3. Islam menjadi unsur yang penting
- ### 2. Matlamat Pembentukan
1. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara
 2. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
 3. Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian.
- ### 3. Agensi Pelaksana
1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
 2. Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
 3. Majlis Kebudayaan Negeri
 4. Istana Budaya
 5. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- ### 4. Program:
- Citrawarna Malaysia
- Program ini mula dianjurkan pada tahun 1999 yang merupakan promosi pelancongan.
 - Antara program yang dijalankan termasuk memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia.
 - Program ini diadakan di Dataran Merdeka pada bulan Mei setiap tahun.
- ### 5. Penggiat Budaya
- Azah Aziz (Tokoh Budayawan)
 - Hamzah Dolmat (Seni Muzik Tradisionil)
 - Lim Swee Tin (Kesusasteraan)
 - Samuel Dass (Muzik Tradisional India)
 - Shuhaibun Yussuf (Budaya dan Kesusasteraan)
 - Mathew Ngau Jau (Muzik Tradisional Sape Sarawak)

7.5 Sukan sebagai alat perpaduan.

Sukan mengeratkan hubungan dan rasa hormat.

- Sukan dan Perpaduan Melalui Pendidikan : Dasar 1 Murid 1 Sukan, RIMUP galakkan murid pelbagai kaum libatkan diri dalam sukan digemari.
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) adakan pertandingan dalam kalangan penuntut dan staf university
- Sukan Malaysia (SUKMA) mengeratkan hubungan kaum dan integrasi antara negeri
- Penganjuran Sukan peringkat serantau dan antarabangsa komitmen semua dalam penganjuran cemerlang spt Hoki Piala Dunia, Sukan Komanwel
- Kejayaan Malaysia Kebanggaan Bersama dalam sukan antarabangsa spt Sukan Olimpik, Sukan Komanwel.
- Laungan "Malaysia Boleh" menunjukkan patriotism rakyat tanpa mengira kaum, agama dan budaya.
- Peranan Organisasi dalam Perkembangan Sukan dan Memupuk Perpaduan Kaum spt Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik

7.6 Rukun Negara tonggak kesejahteraan negara.

1. Sejarah pembentukan

- Ekoran peristiwa 13 Mei 1969.
- Hasil perbincangan dan pemikiran Majlis Perundangan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970.
- Rukun Negara diisytiharkan secara rasmi oleh YDPA IV pada 31 Ogos 1970.

2. Matlamat Rukun Negara

- **Melahirkan masyarakat demokratik,**
 - Memelihara cara hidup demokratik.
 - Rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan.
 - Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang negara.
 - Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum.
- **Melahirkan negara bersatu**
 - Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan atau kepercayaan.
 - Mempunyai kesetiaan dan cinta akan negara.
- **Melahirkan masyarakat adil**
 - Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara.
 - Pihak yang lemah dan berkurangan dibantu supaya mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan.
- **Melahirkan masyarakat progresif**
 - Mengikuti kemajuan sains dan teknologi
 - Mengamalkan nilai-nilai ketuhanan.
 - Masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan semasa.
- **Melahirkan masyarakat liberal**
 - Ahli masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.
 - Mencipta satu masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia.

3. Prinsip Rukun Negara

- **Kepercayaan kepada Tuhan**
 - Agama menjadi panduan hidup untuk membentuk keperibadian yang baik.
- **Kesetiaan kepada Raja dan Negara**
 - Melahirkan rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara, mematuhi undang-undang, meningkatkan imej negara, berani mempertahankan kedaulatan negara dan mempunyai ciri patriotisme yang teguh.
- **Keluhuran Perlembagaan**
 - Rakyat dapat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.
- **Kedaulatan Undang-undang**
 - Rakyat menghormati undang-undang.
 - Bertanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak.
- **Kesopanan dan Kesusilaan**
 - Setiap rakyat sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia.
 - Dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar melahirkan suasana yang harmoni dan saling bertolak ansur.

BAB 8 MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru.

- Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun (1970-1990).
- DEB dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1).
- DEB bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.
- DEB dibentuk oleh Majlis Perundangan Negara (MAPEN).
- Antara pakar dalam dan luar negara yang terlibat dalam rangka DEB ialah Dr. Rais Saniman (Malaysia), Dr. Just Faaland (Norway) dan Dr. Jack R. Parkinson (Britain).

Matlamat DEB

- Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.
 1. **Membasmi kemiskinan** dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan
 2. **Menyusun semula masyarakat** untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenaln kaum mengikut fungsi ekonomi.
- Strategi tersebut berdasarkan isu sosioekonomi iaitu:
 1. Antara bumiputera dengan bukan bumiputera
 2. Antara pantai timur dengan pantai barat
 3. Antara masyarakat desa dengan bandar
 4. Antara negeri

8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

1. Meningkatkan taraf hidup rakyat

- Luar bandar
 - Memperkasakan kegiatan Gerakan Koperasi sedia ada dengan program penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat, subsidi benih dan baja, kemudahan kredit, pemasaran dan pusat kemajuan peladang.
- Bandar
 - Memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan untuk membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan.
 - Menyediakan kemudahan asas seperti pendidikan, bekalan air dan elektrik, program rumah murah dan lain-lain.

2. Rancangan Buku Hijau

- Dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974. Matlamat:
 1. Menambahkan pendapatan dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.
 2. Tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya.
 3. Mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, dan pemasaran.

3. Peranan Agensi Kerajaan

- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
 - Ditubuhkan pada tahun 1971.
 - Fungsi: Meningkatkan taraf hidup nelayan dan memodenkan industri perikanan.
- Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
 - Ditubuhkan pada tahun 1971.
 - Fungsi: Mengawal selia sektor padi dan beras serta menstabilkan harga padi.
 - Pada tahun 1994, dikenali sebagai Beras Nasional (BERNAS).
- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
 - Ditubuhkan pada tahun 1973.
 - Fungsi: Membantu pekebun kecil, petani dan peladang terlibat dalam kegiatan koperasi.
- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
 - Ditubuhkan pada tahun 1973.
 - Membantu dalam penyelidikan dan penanaman semula getah.
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
 - Fungsi: Pembukaan tanah baharu untuk pertanian.
 - Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke kawasan FELDA yang baru dibangunkan.
 - ✓ Mereka diberi tanah seluas 10 ekar untuk diusahakan dengan tanaman kelapa sawit, getah dan rumah kediaman.
 - ✓ Kerajaan menyediakan kemudahan seperti klinik, sekolah, pengangkutan dan koperasi FELDA.
 - ✓ FELDA bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meneroka pembukaan tanah baharu untuk pertanian.
 - ✓ Di Sabah, kerjasama FELDA dengan Yayasan Sabah membawa pembukaan Felda Wilayah Sahabat (Lahad Datu) dan Felda Umas (Tawau).
 - ✓ Di Sarawak, kerjasama dengan Sarawak Land Cosolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) untuk pembukaan ladang kelapa sawit di wilayah Bau-Lundu, Serian, Sri Aman dan Saratok-Saribas.
- Skim peneroka FELDA tidak hanya dikhaskan untuk membantu bumiputera. Kaum Cina dan India juga diberi peluang di beberapa buah FELDA seperti
 1. Felda Lurah Bilut (Pahang),
 2. Felda Keratong (Pahang)
 3. Felda Sendayan (Negeri Sembilan).

4. Pembangunan Wilayah

- Dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit.
 1. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 2. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 3. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
 4. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)

5. Pembangunan Industri dan pembangunan bandar baharu

- Urban Development Authority (UDA) atau Perbadanan Pembangunan Bandar
- Ditubuhkan pada tahun 1971. Antara pembukaan bandar baharu dan kawasan perindustrian:
 1. Bandar Tun Hussein Onn (Cheras)
 2. Bandar Baru Uda (Skudai)

6. Pemilikan Modal Saham

- Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan pada 17 Mac 1978.
- Fungsi: Menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)

- Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
- Amanah Saham Malaysia untuk kaum bukan bumiputera memiliki modal saham.

7. Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

- Definisi IKS: Industri pembuatan barangan menggunakan modal yang kecil dan tenaga kerja tidak ramai.
- IKS meliputi kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa.
- Antara IKS yang berjaya:
 1. Best Farm Co.
 2. Nurul Food Industry Enterprise
 3. Ramly Food Processing Sendirian Berhad
 4. Faiza Marketing Sendirian Berhad
- Pinjaman, insentif dan nasihat diberikan melalui:
 1. Bank Bumiputera (1965)
 2. Perbadanan Nasional Berhad (1969)
 3. Bank Pertanian Malaysia (1969) Sekarang Agrobank, Skim Pinjaman Khas Pertanian (1970)
 5. Amanah Ikhtiar Malaysia (1987)

8. Pendidikan Tenaga Kerja Mahir

- Melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menampung keperluan dalam bidang pertanian dan perindustrian.
- Asas kepada latihan kemahiran melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- Pendidikan menengah dibahagikan kepada jurusan akademik dan vokasional.
- Penubuhan institusi pendidikan vokasional
 - Sekolah teknik dan vokasional
 - Maktab Perguruan Teknik
 - Politeknik
 - Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
 - Universiti Teknologi Mara (UiTM)

8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan DEB berakhir pada tahun 1990. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh DPN.

1. Latar belakang pembentukan

- DPN dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad PM ke-4 pada 117 Jun 1991.
- DPN dirangka untuk tempoh 10 tahun (1990 – 2000) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).

2. Matlamat DPN

- Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dan luar bandar.
- Matlamat DPN dilaksanakan melalui RMK-6 (1991 – 1995) dan RMK-7. (1996 – 2000)

3. Objektif DPN

- Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik serta mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan.
 - Strategi DPN
 - **Ekonomi**
 - Pelibatan aktif pihak swasta
 - Melaksanakan program penanaman semula.
 - Penggunaan sains dan teknologi
 - Meningkatkan pemilikan saham bumiputera.

• Sosial

- Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin
- Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.
- Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif.
- **Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar**
 - Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas.
 - Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar.

8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.

1. Pembasmian Kemiskinan

- Menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khususnya bumiputera.
- Pemberian subsidi dan sokongan kepada golongan penanam padi dan nelayan.
- Golongan belia diberi latihan kemahiran di Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

2. Penyusunan Semula Masyarakat

- Langkah dilakukan dengan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)
- Meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan.
- Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan.
- Pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera dan syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera.
- Penyertaan bumiputera dalam IKS.
- Meningkatkan prospek perniagaan melalui kerjasama syarikat bumiputera dan bukan bumiputera.
- Bumiputera didedahkan dengan teknologi terbaharu, kemudahan modal, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa supaya boleh bersaing dengan perniagaan moden.

3. Penyusunan Semula Modal Saham

- Objektif: Bahagian saham bumiputera dipertingkatkan selaras matlamat DEB bagi mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden.
- Tindakan melalui program pengswastaan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera seperti
 1. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 2. Perbadanan Nasional Berhad (PNB)
 3. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)

4. Pembangunan Wilayah

- Tujuan: Meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri dan memperbaiki ketidakeimbangan pembangunan wilayah.
- Peranan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ditingkatkan.
- Menggunakan Konsep pertanian pintar.

8.5 Pencapaian DEB dan DPN

1. Pencapaian Aspek Sosial

- **Penurunan kadar kemiskinan**
 - Pelaksanaan DEB: Pengurangan daripada 49.3 % (1970) kepada 17.1% (1990)
 - Pelaksanaan DPN: Pengurangan kepada 7.2% (2000)
- **Faktor penurunan**
 - DEB dan DPN membuka peluang pekerjaan kerana keperluan tenaga kerja dalam bidang pertanian dan perindustrian
 - Menambah pendapatan isi rumah
 - Peningkatan kemudahan awam telah meningkatkan taraf dan kualiti hidup
- **Peningkatan Kualiti Hidup**
 - Tahap kesihatan rakyat semakin baik dengan penyediaan infrastruktur seperti hospital dan klinik
 - Pendidikan
 - Pemilikan barang keperluan asas
- **Kemunculan Golongan Pertengahan**
 - DEB dan DPN berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam pekerjaan di bandar.
 - Kewujudan masyarakat baharu golongan pertengahan seperti golongan profesional, pemodal, teknikal, pentadbiran dan pengurusan.
 - Menunjukkan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan swasta memberi kesan terhadap peningkatan taraf hidup rakyat.
 - Masyarakat baharu ini memberi sumbangan besar kepada pendapatan negara.
- **Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera**
 - Golongan ini membentuk kelas bumiputera komersial yang melibatkan diri dalam sektor korporat. Antaranya
 1. Tan Sri Mohd Effendi Norwawi (Ahli Perniagaan)
 2. Tan Sri Azman Hashim (Tokoh Perbankan)
 3. Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari (Tokoh Korporat)
 4. Tan Sri Mustapha Kamal (Tokok Hartanah)
 - Golongan ini telah meningkatkan taraf hidup golongan miskin dengan membuka peluang pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki.
- **Pembangunan Pendidikan**
 - Selepas tahun 1990, tumbuh institusi pendidikan kelolaan kerajaan dan swasta.
 - Muncul graduan dalam bidang sains, teknologi dan teknikal yang dapat memenuhi permintaan tenaga kerja yang tinggi.
- **Pengangkutan dan Perhubungan**
 - Pelaburan dibuat oleh pihak kerajaan dan swasta dalam bidang pengangkutan untuk memenuhi keperluan perindustrian serta perdagangan.
 - Jaringan sistem jalan raya, pengangkutan udara, kereta api dan pelabuhan moden
 - Sistem pengangkutan memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.
- **Perkembangan Wilayah**
 - Kemunculan bandar baharu seperti Felda Segitiga Jengka yang berkembang menjadi Bandar Tun Abdul Razak pada 7 Julai 2011 yang dilengkapi kemudahan pejabat pos, hospital, bank, institusi pendidikan dan lain-lain.
 - Terdapat kilang beroperasi di kawasan perindustrian di bandar ini seperti Kilang Alps, Kilang Bimbingan Bank Pembangunan serta bengkel kereta dan motor.

2. Pencapaian aspek ekonomi

- **Perindustrian Berteknologi Tinggi**
 - Mulai tahun 1980-an, perkembangan industri berat memperkukuh asas perindustrian negara.
 - Melibatkan penggunaan jentera moden
 - Industri teknologi tinggi dikendalikan oleh HICOM yang ditubuhkan pada 1980.
 - Antara projek yang dilaksanakan:
 1. Membaiki kapal (Limbungan Pasir Gudang, Johor)
 2. Besi dan keluli (Perai, Pulau Pinang)
 3. Loji gas cecair (Bintulu, Sarawak)
 4. Stesen jana kuasa (Raub, Pahang)
 5. Kilang Penapis Petroleum (Kerteh, Terengganu)
 6. Satelit komunikasi.
- **Kawasan perindustrian baharu**
 - **Estet Perindustrian**
 - ✓ Dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta sebagai bandar terancang
 - **Taman Teknologi Perindustrian**
 - ✓ Pusat penyelidikan dan pembangunan industri di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia bagi menjalakan penyelidikan dan inovasi bagi membangunkan teknologi perindustrian.
 - **Zon Perindustrian Bebas**
 - ✓ Merupakan kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif bertujuan menarik pengusaha melabur dan merangsang ekonomi kawasan sekitarnya. Contohnya Sime Darby dan Proton Holding Berhad.
 - **Kenderaan Buatan Malaysia**
 - Industri kereta tempatan dipelopori oleh PROTON (1983) dan PERODUA (1993)
 - Pengeluar motosikal nasional MODENAS.

FOKKER 2T5

TAJUK 4

MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

BAB 9 DASAR LUAR MALAYSIA

9.1 Latar belakang dasar luar Malaysia.

Hubungan Luar Sebelum Melaka

Kerajaan awal telah mengadakan hubungan dengan China dengan menghantar utusan. Tahun 424 Masihi, kerajaan P'an-p'an Tahun 523 Masehi, kerajaan Langkasuka Tahun 608 Masehi, kerajaan Chih-t'u

Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka

KMM menjalin hubungan yang erat dengan pelbagai negara pada abad ke-15 dan ke-16.

Hubungan terjalin dalam dua bentuk:

a. Hubungan diplomatik

Dilaksanakan melalui penghantaran utusan

China	Ryukyu
Siam	Makassar

Pasai

Turki

b. Hubungan perdagangan

Dilaksanakan dengan kerajaan dan wilayah yang mendatangkan keuntungan kepada Melaka.

China	Hadhramaut (Yaman)
Pegu	Luzon
Gujerat	Koromandel
Bengal	Mesir
Parsi	Turki

Keperluan Hubungan Luar KMM Abad ke-15

- Menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan
- Menjamin kemakmuran Melaka
- Melaka menjadi pusat penyebaran Islam
- Mengekalkan penguasaan aktiviti perdagangan di Selat Melaka
- Memperoleh perakuan tentang kedaulatan Melaka

Zaman British

- Hal ehwal luar negeri Melayu, Negeri-Negeri Selat, Sarawak dan Sabah dikawal oleh Pejabat Tanah Jajahan Di London.

Selepas Kemerdekaan

- Semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman berbentuk pro-Barat dan antikomunis
- Semasa pentadbiran Tun Abdul Razak, lebih bersikap tidak memihak dan menjalinkan hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.

9.2 Asas penggubalan dasar luar negara.

1. Asas Penggubalan Dasar Luar

- Mempengaruhi tindakan negara menghadapi perkembangan politik wilayah, serantau dan antarabangsa.
- 1956 Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar.
- 1966 Nama kementerian ditukar kepada Kementerian Luar Negeri.
- Wisma Putra berperanan menggubal dasar dan menjaga kepentingan nasional peringkat antarabangsa.

2. Matlamat :

- mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara
- melindungi kepentingan nasional,
- mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia,
- memupuk hubungan baik dengan nnegara luar
- menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.

3. Faktor penggubalan Dasar Luar

i. Ikatan Sejarah

- ikatan sejarah antara negara ini dengan negara lain.
- Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, China dan India menyebabkan hubungan rapat terjalin.
- Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki dipengaruhi oleh ikatan keagamaan.
- Selepas merdeka, Malaysia telah menyertai pertubuhan Komanwel.

ii. Keperluan Nasional

- Maksud memberi keutamaan kepada kepentingan negara untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara.
- Kedudukan strategik menjadi perkiraan utama pembentukan dasar luar dengan negara serantau.
- Hubungan baik membolehkan kerajaan menjaga kebajikan rakyat di luar negara
- Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

iii. Kepimpinan

- Kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin negara asas penting pengubalan dasar luar.
- Pemimpin perlu peka akan perkembangan antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar.
- Dasar menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun tahun 1990-an seperti negara di Afrika dan Kepulauan di Pasifik Selatan. Menunjukkan perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini cenderung kepada negara maju.

iv. Persekitaran Luar

- Perubahan dasar luar dipengaruhi perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa seperti semasa era Perang Dingin, dasar luar negara lebih kepada pro-Barat.
- Malaysia mengubah dasar kepada tidak berpih berdasarkan perkembangan yang berlaku tahun 1970-an.

9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

PBB ditubuhkan pada 1945. Matlamat PBB untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia. Selepas merdeka, Dr. Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai wakil tetap ke PBB.

Penglibatan Malaysia

- Memberi komitmen dan kerjasama penuh kepada PBB.
- Sejarah dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa iaitu "hidup bersama secara aman"
- Komitmen dan kerjasama Malaysia melalui empat perkara:

1. Mendukung Piagam PBB

- iaitu menegakkan hak asasi manusia dengan pencapaian taraf hidup dan hak asasi manusia tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa dan agama.
- Konsep menghormati kedaulatan wilayah negara lain.
- Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain.

2. Terlibat dalam Agensi PBB

- Bekerjasama dengan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO). UNESCO mengiktiraf Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) dan Lembah Lenggong (2012) sebagai Tapak Warisan Dunia.
- Bekerjasama dengan Pertubuhan Makanan Sedunia (FAO) dalam bidang pengeluaran makanan serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam bidang kesihatan dan perubatan.
- Memberi kebenaran kepada PBB membuka pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur. UNHCR bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan tidak bernegara.
- Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB yang bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Terpilih 4 kali sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB (1965, 1989 - 1990, 1999 - 2000 dan 2015 - 2016)

3. Sumbangan dalam Misi Pengaman

- Menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara berkonflik seperti di Congo, Namibia, Somalia, dan Bosnia. Disiplin dan kemampuan pasukan tentera Malaysia diakui PBB. Antara misi pengaman yang disertai di Congo, Namibia, Somalia, Bosnia dan Herzegovina, Kemoja, Timor Leste, Ethiopia dan Lubnan.
- Tugas pasukan pengaman memastikan keselamatan penduduk, mengawasi gencatan senjata dalam perang saudara dan mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat.

4. Misi Pegawai Pemerhati

- Misi di negara konflik seperti di Sierra Leone, Bosnia dan Herzegovina dan Timor Leste..
- Tugas Pegawai Pemerhati ialah membantu pentadbiran dan pengurusan, memberi latihan teknikal dan menjadi jurubahasa.

5. Tokoh Malaysia dalam Agensi PBB

- **Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood**
 - Penasihat Kumpulan Tabung Tindakan Kecemasan Pusat (2008)
 - Terlibat dengan United Nations Population Fund (UNFPA) 2009 hingga 2011
 - Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia 2004
- **Datuk Maimunah Mohd Sharif**
 - Mengetuai UN-Habitat. Wanita pertama Asia menjawat jawatan tersebut.
 - UN-Habitat memberikan tumpuan kepada kehidupan bandar yang mampan.
- **Tan Sri Razali Ismail**
 - Mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat United Nations Development Programme (UNDP) 1990 hingga 1992
 - Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (Economic and Social Council – ECOSOC)
 - Wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar.
- **Dr. Jomo Kwame Sundaram**
 - Dilantik sebagai Penyelaras Penyelidikan (Kehormat) Kumpulan Antara Kerajaan G24 bagi Hal Ehwal Kewangan dan Pembangunan Antarabangsa (2004)
 - Dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung bagi Pembangunan Ekonomi di Jabatan PBB Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial (2005)
 - Dilantik sebagai Penolong Ketua Pengarah dan Penyelaras Pembangunan Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB pada 2012 hingga 2015.
- **Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar**
 - Dilantik sebagai Pemerintah Tertinggi UNOSOM II di Somalia (1994)

9.4 Malaysia dalam Komanwel.

Merupakan sebuah badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang merdeka. Untuk membina semangat setia kawan negara anggota serta kerjasama dalam pelbagai bidang.

Penyertaan dan sumbangan

Sentiasa beri komitmen penuh menjayakan segala rancangan yang diatur dan dilaksanakan Komanwel.

Rancangan Colombo

- iaitu rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel (1951)
- tujuan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel.
- Mendapat nasihat berkaitan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan.
- Terlibat dalam program latihan untuk kakitangan awam dan pembangunan sektor swasta sejak 1995.
- Memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota yang belum membangun.

Kerjasama Pertahanan

- Perjanjian ditandatangani pada 12 Oktober 1957 antara Britain dengan Tanah Melayu untuk memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara.
- Perjanjian ini membolehkan Britain serta Negara Komanwel memberi komitmen terhadap pertahanan negara.

- Kerajaan menyediakan kemudahan kepada tentera Britain dan pasukan Simpanan Strategik Komanwel.

Kerjasama ekonomi

- Negara Komanwel menjadi rakan dagang Malaysia utama
- Komoditi utama dieksport ke negara anggota Komanwel dengan mudah.
- Kadar cukai dikenakan lebih rendah
- Penyediaan kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel.
- Pelaburan daripada negara Komanwel.

Penentangan Dasar Apartheid

- Asas penentangan Malaysia ialah dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit.
- Pemisahan kaum kulit putih dengan kulit hitam di Afrika Selatan (1948-1999)
- Penentangan menyebabkan Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel.

Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)

- Mesyuarat diadakan 2 tahun sekali
- Membincangkan isu-isu semasa antarabangsa negara anggota.
- 1989 Malaysia dipilih menjadi tuan rumah CHOGM

Sukan Komanwel

- Sukan kedua terbesar selepas Sukan Olimpik.
- Sukan yang diadakan 4 tahun sekali ini mengeratkan hubungan antara negara anggota.
- 1998 Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel.

9.5 Cabaran mengukuhkan dasar luar Malaysia.

1. Cabaran Politik Antarabangsa

- Malaysia mengamalkan dasar berkecuali tanpa mengira ideologi
- Kesannya Malaysia jalin hubungan dengan China melalui lawatan Tun Abdul Razak ke negara tersebut pada 1974

2. Cabaran Politik Serantau

- Peluasan pengaruh komunis di Indochina menyebabkan ketidakstabilan kepada Asia Tenggara.
- Kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara
- Pada tahun 1976, Malaysia menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia bagi membincangkan pergolakan di Indochina

3. Cabaran Keselamatan dan Pertahanan

- AMDA iaitu perjanjian antara Malaysia dengan Britain ditamatkan 1971.
- Malaysia tandatangan pertahanan baharu FPDA atau Perjanjian Pertahanan Lima Negara 1971 yang melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia. Malaysia akan memperoleh bantuan teknikal dan Latihan bersama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara.
- Bekerjasama dengan negara ASEAN perkuat pertahanan dan keselamatan Asia Tenggara melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN.
- Malaysia juga menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada 1965 untuk menangani isu keselamatan.

4. Cabaran Pembangunan Ekonomi

Cabaran utama Malaysia ialah wujudnya dominasi negara aju bagi menentukan harga komoditi bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara.

- Menjadi anggota ITC dan GATT
- Desakan agar harga barang dapat dikawal melalui organisasi ini.
- Menubuhkan Petronas pada 1974 untuk membangunkan sektor minyak dan gas negara.

9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

1. Penglibatan Malaysia

- ASA (1961): Gabungan Malaysia, Filipina, Thailand
- MAPHILINDO (1963): Gabungan Malaysia, Filipina dan Indonesia diwujudkan bagi menyelesaikan isu pembentukan Malaysia. Namun gagal mencapai matlamatnya.
- ASEAN (1967): Gabungan Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand. Kemudian menerima anggota baharu, Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja, dan Vietnam.

2. Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

- Deklarasi ZOPFAN diumumkan pada 1971 di Kuala Lumpur.
- Malaysia menjalinkan hubungan dengan China sebagai pengisian ZOPFAN.
- Mendapatkan pengiktirafan Amerika, Rusia, dan China

3. Penyelesaian Konflik Serantau

Malaysia terlibat secara aktif mencari penyelesaian konflik di Indocina terutamanya di Vietnam dan Kemboja yang boleh mengancam Asia Tenggara.

- Konflik di Vietnam dan Kemboja berkenaan pelarian dan komunis
- Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu Vietnam.
- Isu di Kemboja diselesaikan melalui pilihanraya pada tahun 1993.
- Malaysia menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (UNTAC)

4. Kerjasama Ekonomi

Sejak tahun 1970, negara anggota ASEAN merupakan rakan dagang Malaysia yang penting.

- Tahun 1978, Projek Industri ASEAN (AIP) dimulakan. Antara projek yang berjaya ialah pengeluaran baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986)
- Pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina serta penghasilan serbuk soda di Thailand.
- Malaysia menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN melalui Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) pada 1978 untuk meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN. Melalui skim ini, pemotongan cukai ke atas pelbagai produk keluaran negara ASEAN

5. Kerjasama Sosial

Malaysia menjalinkan kerjasama melalui penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO)

- Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan, pertukaran pelajar dan penubuhan pusat serantau pendidikan seperti pembinaan RECSAM (Pusat Serantau Pendidika untuk Sains dan Matematik) di Pulau Pinang.
- Penubuhan Tabung kebudayaan ASEAN
- Penganjuran Sukan SEA

9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM).

1. Penyertaan Malaysia dalam NAM

Bermula dengan kehadiran Muhammad Ghazali Shafie, iaitu Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri dalam mesyuarat penyediaan bagi Sidang Kemuncak di Dar es Salam, Tanzania.

Penyertaan dalam NAM membuktikan Malaysia telah mengubah dasar pro-Barat ke dasar yang lebih terbuka berasaskan prinsip neutral, aman, bebas dan berkecuali.

2. Peranan Malaysia

a) Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi

- Menjadi tuan rumah Sidang kemuncak NAM ke-13 pada tahun 2003
- Dalam sidang ini Deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin serta serangan Amerika terhadap Iraq sebagai pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil.

- Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Pengerusi NAM 2003 - 2006

b) Peranan dalam Politik

- Melalui NAM, Malaysia menyuarakan sikap terbuka terhadap dasar Aparteid. Cadang tekanan politik dan ekonomi ke atas Afrika Selatan Bangkitkan isu Bosnia Herzegovina yang ditekan oleh Serbia pada Sidang Kemuncak NAM di Jakarta (1992). Yugoslavia digantung daripada NAM. Malaysia turut menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina.

c) Dasar Keamanan dan Berkecuali

- Malaysia meminta rantau Asia Tenggara diterima dan diakui sebagai kawasan berkecuali oleh negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China dan Rusia serta tidak campur tangan atau memberikan tekanan kepada Asia Tenggara.
- Dalam isu kawalan senjata nuklear, Malaysia menandatangani Perisytiharan Lukasa pada tahun 1970 sebagai iltizam NAM untuk mendesak pengharaman senjata nuklear.

9.8 Malaysia dalam Persidangan Negara-Negara Islam (OIC).

OIC ditubuhkan pada 25 September 1969 bersempena Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi ketika kemuncak serangan Zionis ke atas Masjid al-Aqsa. OIC memperjuangkan kepentingan umat Islam di seluruh dunia.

Penglibatan Malaysia

Pelibatan awal Malaysia bermula sejak era Tunku Abdul Rahman yang menyuarakan agar diwujudkan sebuah pertubuhan Islam.

Hasrat ini semakin kuat selepas Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara tahun 1964 di Kuala Lumpur.

Agenda di Kuala Lumpur di bawa ke Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi sehingga tertubuhnya OIC.

a) Setiausaha Agung Pertama

- Tunku Abdul Rahman Putra dilantik S/U Agung Pertama 1970-1974
- Tugas mengukuhkan OIC dan pastikan masyarakat Islam mendapat pembelaan sewajarnya.

b) Pengerusi OIC

- Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik Pengerusi OIC (2003)
- Malaysia menerima tohmahan yang sedang melanda masyarakat dunia Islam kerana sering dikaitkan dengan 3K (keganasan, kemiskinan, kemunduran)

c) Pembangunan Pendidikan

- OIC menekankan pembangunan pendidikan seperti pembiayaan pelajaran dan kebajikan.
- Pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Memberi biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di UIAM.

d) Menangani Isu Politik Negara Islam

- Menjadi perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB berikutan gencatan senjata Iran – Iraq pada 1988.
- Memberi sokongan kuat kepada PLO untuk menuntut hak sebagai negara yang merdeka. Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Keserantauan Asia berkaitan Palestin di Kuala Lumpur 1983.
- Malaysia menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul yang dibantu oleh Kesatuan Rusia sejak 1969. Malaysia membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada 1984.

e) Pembangunan ekonomi

- Malaysia menyokong IsDB (Bank Pembangunan Islam) yang ditubuhkan pada 1973.

- Malaysia menyertai IsDB pada 1974 dan memperoleh faedah berupa pinjaman daripada bank untuk membiayai pembangunan mengembangkan sistem perbankan Islam melalui Penubuhan IsDB bank Islam di serata dunia seperti Dubai Islamic Bank (1975), Islamic Bank of Bahrain (1979) dan Bank Islam Malaysia Berhad (1983).

BAB 10: KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

10.1 Pelibatan dalam isu-isu global kontemporari.

1. Penyalahgunaan dadah

- Malaysia menyuarakan isu memerangi penyalahgunaan dadah dalam forum antarabangsa seperti Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa (IDEC) yang ditubuhkan pada 1983 oleh Amerika Syarikat.
- Malaysia mendapat kerjasama daripada INTERPOL.
- Kelantangan Malaysia dalam forum PBB terbuka apabila Tun Dr Mahathir Mohammad dipilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988.

2. Pertindihan sempadan

Malaysia terlibat dalam isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih dengan negara lain.

• Tuntutan sempadan

- ✓ Tuntutan terhadap Pulau Batu Putih (Malaysia dengan Singapura)
- ✓ Tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan (Malaysia dengan Indonesia)

Kedua-dua tuntutan diselesaikan oleh Mahkamah Antarabangsa.

- ✓ 2002 Mahkamah Antarabangsa memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan milik Malaysia
- ✓ 2008 – Mahkamah Antarabangsa memutuskan Pulau Batu Putih kepada Singapura.

• Hak milik bertindih

- ✓ Tuntutan Kepulauan Spratly melibatkan China, Vietnam, Brunei dan Filipina. Masih belum selesai sehingga hari ini.
- ✓ Usaha penyelesaiannya termasuklah membangkitkan isu Spratly dalam Forum ASEAN-China pada tahun 1995.

3. Kempen Antiminyak Sawit

- Dilancarkan oleh negara maju. Menggugat ekonomi negara sedang membangun seperti Malaysia dan Indonesia.
- American Soybean Association (ASA) kerana minyak sawit menjadi pesaing utama kepada minyak kacang soya.
- NGO Pencinta Alam di Eropah mendakwa penanaman kelapa sawit menjadi punca pencemaran alam sekitar, kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar
- **Usaha Malaysia**
 - ✓ Melalui Pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)
 - ✓ Mendapatkan pensijilan Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak 2019.
 - ✓ Menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan
 - ✓ Melaksanakan amalan pertanian baik bagi kelapa sawit.

4. Pemerdagangan orang

- Merupakan jenayah terancang tanpa mengenal bangsa, agama, keturunan dan warna kulit. Ancaman kepada hak asasi manusia dan keselamatan negara.
- Kemakmuran ekonomi dan kedudukan strategik menjadikan Malaysia sebagai lokasi transit pemerdagangan orang ke negara lain
- Usaha Malaysia:-
 - ✓ Menguatkuasakan undang-undang dan memberi bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang.

- ✓ Undang-undang dikuatkuasakan melalui Konvensyen PBB mengenai hak kanak-kanak 1989
- ✓ Protokol PBB untuk mencegah, menyekat dan menghukum pesalah perdagangan orang.
- ✓ Malaysia menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) pada 2008.
- ✓ Menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007
- ✓ Mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010 – 2015)
- ✓ Menjalankan rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan.

5. Penyakit berjangkit

Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)

- Dikesan di Malaysia pada 1986.
- Sehingga tahun 2014, lebih 100,000 kes dilaporkan dengan 16 000 kematian. Punca penyakit ialah gaya hidup tidak sihat serta penyalahgunaan dadah.
- Kementerian Kesihatan Malaysia bertindak proaktif memastikan tidak merebak melalui pemeriksaan secara berterusan.
- Sejak 2011, Malaysia mendukung hasrat PBB/WHO untuk menjadikan dunia bebas AIDS tahun 2030 melalui Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS (NSPEA)
- WHO memperakukan pencapaian Malaysia menangani AIDS pada 2018.
- Malaysia menyambut Hari AIDS Sedunia pada 1 Disember setiap tahun.

10.2 Peranan dalam hubungan ekonomi antarabangsa.

1. Meluaskan pasaran ekonomi

- Malaysia bersetuju untuk mempermudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN. Hal ini membawa kelahiran Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 1992.
- Perjanjian AFTA bertujuan:
 - ✓ Menjadikan kawasan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif bagi hasil keluaran ASEAN.
 - ✓ Mengurangkan tarif dan cukai barangan.
 - ✓ Kesannya berlaku perkembangan ekonomi negara

2. Dominasi Ekonomi Negara Maju

- Ekonomi Malaysia bergantung kepada pasaran domestik dan pasaran antarabangsa. Negara maju mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai. Kesannya perdagangan negara terjejas
- Malaysia bersuara agar diberikan layanan yang saksama kepada semua negara.
- Pandangan ini dibangkitkan dalam pelbagai forum antarabangsa seperti PBB dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

3. Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga

Kerjasama pembangunan tiga segi bermaksud pembangunan wilayah baharu dimajukan bersama negara ASEAN.

- Bertujuan
 - ✓ Mendapat keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu bagi memajukan kawasan yang terlibat.
 - ✓ Mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju.
 - ✓ Mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa.
 - ✓ Mewujudkan badan yang berkaitan seperti koperasi ASEAN, bank ASEAN dan cadangan menggunakan wang ASEAN
- Contoh kerjasama pembangunan tiga segi:
 - ✓ IMT-GT : Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle
 - ✓ SIJORI -GT: Singapura-Johor-Riau Growth Triangle

- ✓ BIMP-EAGA: Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area

4. Menangani Kemelesetan Ekonomi

Pada tahun 1997 – 1998, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit. Antara puncanya:

- Menurut Tun Dr. Mahathir, perkembangan ini menyebabkan pelabur luar menarik pelaburan mereka di Malaysia sehingga menjejaskan ekonomi Malaysia.
- Malaysia didesak untuk mencontohi langkah yang diambil negara lain iaitu menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) namun Malaysia enggan menerimanya.
- Malaysia memulihkan keadaan dengan menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1.
- Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.

5. Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam

- Sistem kewangan Islam berlandas syarak dan menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional.
- Malaysia bangukan sistem ini yang progresif dan komprehensif sejak 2001 hingga menyumbang kepada sektor kewangan Malaysia
- Malaysia menduduki kedudukan utama dalam indeks global kewangan Islam.
- Menjadi pasaran sukuk (Sijil Kewangan Islam) terbesar dunia.
- Menjadi negara utama pelaburan dana Islam
- Menubuhkan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) untuk menyokong perkembangan kewangan Islam.

10.3 Pelibatan dalam isu kemanusiaan dan keamanan.

Malaysia menyuarakan pandangan dalam pertubuhan antarabangsa dan serantau seperti PBB, Komanwel, OIC dan ASEAN. Rakyat Malaysia terlibat dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik sama ada disebabkan bencana alam mahupun peperangan.

1. Isu Palestin

- Isu ini disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia.
- Sejak 1948, Rejim Zionis Israel melakukan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan terhadap penduduk Palestin.
- Tindakan ini menjadi asas kepada perjuangan bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan.
- Pelibatan Malaysia melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti:
 - **Aman Palestin (2006)**
 - ✓ Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai.
 - **Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)**
 - ✓ Gabungan beberapa buah NGO
 - ✓ Menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan membantu rakyat Palestin yang tertindas.
 - ✓ Mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin.
 - **Cinta Gaza Malaysia (CGM).**
 - ✓ Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman.
 - ✓ Beroperasi sejak 2013.
 - ✓ Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas.
 - **Muslim Care Malasia**
 - ✓ Ditubuhkan pada tahun 2006 dan aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk di Palestin.
- Rakyat Malaysia menyokong dengan:
 - ✓ Melakukan demonstrasi tanda sokongan kepada Palestin.
 - ✓ Menubuhkan Tabung Palestin.

- ✓ Menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin menerusi program Freedom Frotilla, iaitu misi yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya dari seluruh dunia.

2. Isu Syria

- Krisis politik di Syria bermula pada tahun 2011 menyebabkan rakyat Syria mengalami kesengsaraan terutamanya masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan.
- Bantuan Malaysia:
 - Pada 1 Oktober 2015 kerajaan sedia menerima 3000 pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun secara sukarela.
 - Bantuan melalui NGO seperti:
 - **Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)**
 - ✓ Gabungan enam buah NGO kemanusiaan.
 - ✓ Melancarkan kempen i4Syria pada 2011 bagi menyalurkan bantuan.
 - ✓ Mengendalikan aspek pendidikan, kesihatan dan kebajikan pelarian Syria yang berada di Malaysia.
 - **Cinta Syria Malaysia (CSM)**
 - ✓ Ditubuhkan pada tahun 2014
 - ✓ Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria yang berada di Turki, Lubnan dan Malaysia.
 - ✓ Menubuhkan “Sekolah KITA”, iaitu program pendidikan percuma untuk anak-anak pelarian Syria.
 - **Global Peace Mission (GPM)**
 - ✓ Ditubuhkan pada tahun 2001.
 - ✓ Aktif menjalankan aktiviti kesukarelawanan di 30 buah negara.
 - ✓ Memberi bantuan kemanusiaan berupa makanan, ubatan dan peralatan.
 - Bantuan rakyat Malaysia:
 - ✓ Memberi sumbangan melalui Tabung Kemanusiaan Program Penempatan Migran Syria yang dilancarkan pada 20 Mei 2016.
 - ✓ Menyertai perhimpunan solidariti menyokong Syria.
 - ✓ Menghantar memorandum bantahan kepada Kedutaan Syria di Kuala Lumpur pada 2017.

3. Tsunami Aceh, Sri Lanka

- Bencana Tsunami di Aceh dan Sri Lanka pada 2004 menyebabkan penduduk kehilangan segalanya.
- Malaysia melancarkan bantuan segera termasuk bantuan perubatan, makanan dan keperluan harian.
- Rakyat Malaysia memberikan bantuan melalui badan seperti MERCY Malaysia dan NGO.
- Antara NGO yang terlibat:
 - **Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia)**
 - ✓ Ditubuhkan pada 1998 oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood
 - ✓ Memberikan bantuan perubatan serta membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh.
 - ✓ Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka termasuk sekolah dan jambatan.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

- ✓ Ditubuhkan pada 1971.
- ✓ Menirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada anak yatim di Banda Aceh.

Yayasan Restu

- ✓ Ditubuhkan pada 1998.
- ✓ Memberi bantuan pendidikan percuma kepada warga Aceh.
- ✓ Membangunkan rumah anak yatim Babun Najah di Ulee Karcung, Aceh.

10.4 Komitmen dalam mengekalkan kelestarian global.

Mengekalkan kelestarian global bermaksud usaha untuk mengekalkan serta memelihara keaslian alam sekitar bagi membolehkannya diwarisi oleh generasi akan datang.

1. Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi

- Deklarasi Langkawi diadakan pada Oktober 1989 bersempena Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM).
- Deklarasi ini sebagai usaha menangani isu alam sekitar terutamanya kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal.
- Anugerah Langkawi diperkenalkan pada 1991 diberikan kepada warga Malaysia yang menyumbang kepada bidang alam sekitar.
- Dasar Alam Sekitar 2002 menjadi asas dalam pembangunan negara.
- Tahun 2006, kerajaan Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark*.
- Tahun 2007, kerajaan melancarkan Dasar Teknologi Hijau untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim.

2. Menyertai Sidang Kemuncak Bumi

- Sidang Kemuncak Bumi diadakan pada 1992 di Rio de Janeiro, Brazil dianjurkan oleh PBB bagi membincangkan isu pencemaran alam sekitar.
- Komitmen Malaysia:
 - ✓ Malaysia mengeluarkan Deklarasi Agenda 21 bagi pengurusan aktiviti manusia dalam sesebuah negara dan pembangunan abad ke-21 bagi mengatasi masalah kemiskinan, keburluan dan kemerosotan ekosistem.
 - ✓ Malaysia terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 dan persidangan alam sekitar di Bali 2007 untuk persetujuan negara maju mengurangkan pembebasan gas rumah hijau secara kolektif dan menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar.

3. Antartika Sebagai Warisan Sejagat

- Malaysia membangkitkan isu Antartika kerana menganggap penerokaan terhadap Antartika dilakukan secara tidak adil.
- Penerokaan Antartika didominasi oleh hanya sebahagian kecil negara.
- Pandangan Malaysia diutarakan melalui NAM sejak 1993.
- Dalam Sidang Kemuncak NAM ke-7 di New Delhi, India, Malaysia mendesak PBB menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
- Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika. Segala bentuk hasil di benua tersebut dikongsi bersama semua negara. Pandangan ini disokong negara lain.
- Tindakan Malaysia
 - ✓ Malaysia membentuk Pasukan Penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika. Antaranya Dr. Haji Omar Abdul Rahman yang melawat Antartika pada 1995.
 - ✓ Malaysia melakukan penyelidikan di Antartika pada 1999 dalam bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau
 - ✓ Malaysia mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan di Universiti Malaya di bawah Dr. Azizan Abu Samah.
 - ✓ Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur turut melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.

10.5 Wawasan Malaysia menuju masa hadapan.

Wawasan masa hadapan bermaksud strategi jangka panjang sebagai panduan arah dasar dalam pelbagai aspek berkaitan dengan pembangunan negara.

1. Komuniti ASEAN

Ditubuhkan pada tahun 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-27.

- Merupakan satu langkah menyeluruh, strategik dan bersifat memandangi ke hadapan serta mencerminkan aspirasi ASEAN.
- Wawasan ASEAN memberikan fokus pada ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan.

- Melalui komuniti ekonomi, menjadikan pertumbuhan ekonomi ASEAN lebih tinggi.
- Melalui komuniti keamanan, menjadikan keselamatan rantau ASEAN kekal terjamin dan segala konflik diselesaikan secara damai.
- Melalui komuniti sosiobudaya, menjadikan integrasi negara anggota ASEAN dapat dipertingkatkan.

2. Keselamatan Makanan

- Menurut United Nations' Committee (UNC) pada tahun 1996, keselamatan makanan merujuk setiap orang pada setiap masa mempunyai akses kepada sumber makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan makanan mereka.
- Antara isu keselamatan makanan termasuklah kenaikan harga barangan yang keterlaluan, bekalan terhad kerana masalah pengeluaran bencana alam atau pencemaran makanan.
- Tindakan Malaysia:
 - ✓ Bekerjasama dengan negara ASEAN menubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan negara ASEAN dan membentuk Simpanan Beras Kecemasan ASEAN. Rizab ini digunakan sewaktu kecemasan dan kadar yang ditetapkan sebanyak 50,000 tan yang disimpan sebagai stok.

3. Alam Sekitar

- Isu jerebu yang perlu ditangani oleh Malaysia dan negara Asia Tenggara.
- Jerebu ialah fenomena atau pencemaran udara yang menjejaskan jarak penglihatan dan kesihatan.
- Puncanya pembakaran terbuka terutamanya pembakaran hutan.
- Langkah yang diambil oleh Malaysia dan negara ASEAN ialah
 - ✓ Perjanjian ASEAN berkaitan dengan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan merupakan perjanjian serantau pertama di dunia.
 - ✓ Negara anggota disaran mengambil langkah dari aspek undang-undang dan petadbiran serta tindakan lain untuk tangani jerebu.
 - ✓ Menekankan prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu 2020".
- Malaysia dan Singapura bekerjasama melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut untuk tangani jerebu.

4. Zon Bebas Nuklear

- Kedudukan Asia Tenggara yang strategik menjadikan rantau ini terlibat dalam kancah persaingan membabitkan kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat yang memiliki senjata nuklear.
- Memastikan rantau Asia Tenggara berada dalam keadaan aman dan selamat terutamanya daripada persaingan senjata nuklear.
- Tindakan Malaysia:
 - ✓ Menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) pada tahun 1995. Perjanjian ini menekankan agar negara terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear.
 - ✓ Malaysia tidak membiarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang asing yang membawa senjata nuklear. Memastikan kedua-dua laluan itu bebas daripada senjata nuklear.
 - ✓ Malaysia tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara ini kerana boleh membawa konflik yang buruk kepada rantau Asia Tenggara.

5. Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

Malaysia memandang serius terhadap PBB dan OIC yang tidak mampu melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.

• Pandangan Malaysia:

- ✓ Penggunaan kuasa veto oleh kuasa besar hanya sah jika dua buah negara kuasa veto bersama-sama tiga anggota yang tidak memiliki kuasa veto bersetuju untuk menggunakannya demi mengurangkan penyalahgunaan kuasa veto.
- ✓ Negara kuasa veto tidak terkecuali daripada undang-undang.
- Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 melibatkan 56 negara Islam dengan 450 perwakilan. Matlamat sidang untuk merapatkan jurang dan kedudukan masyarakat Islam bagi menangani pelbagai isu.

6. Hak Asasi Manusia, Pelarian dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

- Merupakan isu yang saling berkait dan penting pada masa hadapan.
- Keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat menjadi faktor penarik kepada kemasukan PATI dan pelarian.
- Kehadiran PATI dan pelarian membawa implikasi terhadap sosial, ekonomi, jenayah, politik dan hubungan diplomatik serta berupaya mengancam ketenteraman dan keselamatan negara.
- Tindakan Malaysia:
 - ✓ Membendung kemasukan PATI melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing.
 - ✓ Malaysia terlibat dalam program di bawah PBB terutama Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR).
 - ✓ Malaysia dilantik sebagai ahli suruhanjaya ini pada tahun 1993 hingga 1995.
 - ✓ Malaysia menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 1999 untuk memperjuangkan hak asasi manusia.